



PESERTA kursus asas memanjat pokok melakukan latihan amali.

Menggeletar risau ikatan terputus

Kuantan: "Rasa cemas ketika berada di atas pokok menyebabkan tangan dan kaki menggeletar kerana bimbang tali tempat bergantung putus dan saya akan terjatuh pada ketinggian lebih lima meter.

"Disebabkan terlalu takut, saya menjadi buntu hingga memaksa jurulatih memberi kata semangat dan mengingatkan supaya bertenang," kata Izuddin Rizal Babu (*gambar*), 36, seorang daripada 35 kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang yang mengikuti kursus asas memanjat pokok menggunakan tali selama empat hari di Pusat Latihan Pembangunan Hutan (PLPH) Belimbing, kelmarin.

Kursus anjuran PLPH dengan kerjasama Unit Memanjat Pokok Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bertujuan memberi pendedahan dan kemahiran kepada peserta terhadap aktiviti memanjat pokok menggunakan tali serta belajar beberapa jenis ikatan.

Izuddin yang bertugas di unit penguat kuasa negeri berkata, selepas didedahkan dengan peralatan serta teknik yang digunakan, peserta diwajibkan memanjat pokok balak.

Menurutnya, memanjat pokok menggunakan tali lebih mudah dan tidak memerlukan tenaga yang banyak sekiranya individu terbahit mahir serta berpengalaman berbanding



kaedah biasa digunakan masyarakat Melayu.

"Tidak dinafikan rasa takut dan cemas begitu menebal apabila saya berada di atas pokok. Tanpa bantuan jurulatih, tidak mungkin saya mampu memanjat pokok pada ketinggian lebih lima meter.

"Disebabkan tidak mengikat dengan kemas pelana menyebabkan alat berkenaan menjadi longgar hingga mengundang keadaan cemas ketika berada di atas pokok," katanya.

Rakannya, Azmi Omar, 35, berkata, selepas lebih 10 tahun berkhidmat dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, ini kali pertama dia terpilih mengikuti kursus memanjat yang dianggapnya mencabar.

Menurutnya, sebelum ini dia biasa melihat rakan di unit memanjat menjalankan tugas.

FAKTA

Kursus beri pendedahan kepada peserta teknik panjat pokok